

THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

3 JANUARI 2025 | BIL : 65
www.richworks.com

richworks.com/thetitan

Industry View

**TINGGALKAN
ZON SELESA!
INI 5 TIPS UNTUK ANDA**

MUSTAKIM MUNAWIR

**RIDER JALANAN KINI
RAJA PERNIAGAAN**



BUDAK POMEN TAK AMBIL PUSING BIAR PUN DIPANDANG HINA

Setiap kejayaan besar bermula dengan langkah kecil. Kisah perjalanan usahawan muda ini membuktikan bahawa dengan usaha gigih, visi yang jelas dan keberanian untuk menghadapi cabaran, seseorang itu mampu mengubah nasib daripada biasa-biasa kepada luar biasa.

Begitulah kisah yang boleh digambarkan buat pemilik syarikat Nawireton Legacy Sdn. Bhd. dan juga pengarah Dania Garage, Muhd Mustakim Bin Mohd Munawir, 32, atau lebih mesra disapa sebagai Mustakim.

Memulakan perniagaan bengkel motosikal secara bersendirian pada tahun 2015, siapa sangka pada hari ini beliau sudah memiliki lima cawangan bengkel di sekitar Selangor.

“Saya bermula dengan kerja di bawah orang dulu sebagai pomen. Saya belajar sekadar tahap Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) je. Lepas tamat zaman persekolahan, ada jugalah sambung belajar sekejap tapi kena tendang sebab banyak main.

“Jadi, kita kerja dengan orang dulu hinggalah ia berubah daripada hobi menjadi minat. Setelah itu terdetiklah niat untuk buka bengkel sendiri. Sebelum itu saya memang kerja dengan orang di bengkel motor dan kereta dalam tempoh lebih kurang tiga tahun.

“Lepas berhenti, dalam masa setahun tu saya mula beroperasi secara bersendirian di rumah. Waktu itulah kita kumpul duit sedikit demi sedikit,” ceritanya.

Biarpun sering dipandang rendah oleh segelintir masyarakat yang skeptikal dengan pilihan kerjayanya yang dianggap tiada masa depan, namun anak kedua daripada lima beradik ini tidak melatah bahkan menjadikannya sebagai pembakar semangat untuk terus melangkah lebih jauh dalam bidang yang diceburi.

“Biasalah, siapa je yang suka tengok orang kerja kotor dan comot sebeginikan. Penuh minyak hitam sana sini.

“Tapi, kita layankan sajalah. Kita buat saja kerja kita. Reda apa orang nak kata. Nanti motor rosak dia akan datang dekat kita juga,” ujar jejaka yang berasal dari Cheras ini.

ANGKA SATU JUTA TIDAK MENGGELAPKAN MATA

Perlahan-lahan mengorak langkah, beliau tidak pernah menjangkakan bahawa perniagaan yang dijalankan itu mampu berkembang megah dan berjaya meraih jualan RM1 juta pertama setelah beberapa tahun beroperasi.



Namun, perkara tersebut tidak melekakannya untuk terus berada di zon selesa tetapi membuatnya semakin dahaga untuk mengecap kejayaan yang seterusnya. Hal itulah yang membuatkan beliau memilih untuk dibimbing di bawah program pementoran RichWorks hingga ke saat ini.

“Sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, saya tidak tahu apa hala tuju, apa yang akan jadi selepas ini. Tambahan pula saya dalam bidang permotoran. Siapa je yang saya rujuk? Kawan saya semua ‘Mat Rempit’. Mereka mana nak ambil tahu.

“Dalam dunia bisnes kita memang tidak akan tahu apa yang akan jadi seterusnya. Bila PKP akan tamat dan sebagainya. Jadi, waktu itu saya memang tak kenal sesiapa pun. Yang saya tahu hanyalah Datuk Wira Dr. Azizan Osman. Saya lakukan carian di Google dan hasil yang dipaparkan adalah RichWorks.

“Saya pun mendaftar di laman berkenaan

dan terima jemputan ke kelas percuma yang dianjurkan pada waktu itu. Pada saat itulah bermulanya perjalanan saya bersama RichWorks yang tidak pernah saya tahu pun sebelum ini. Saya kemudiannya mendaftar menjadi ahli dalam program pementoran Spire pula,” katanya.

BENTUK KEPERCAYAAN TERHADAP DATUK WIRA

Tidak lama selepas itu, beliau terus mengorak langkah dengan memilih untuk berada dalam program pementoran Titanium (Titan) bagi mendapatkan bimbingan bisnes secara eksklusif daripada Datuk Wira Dr. Azizan Osman sendiri.

“Kalau nak tahu, saya sebenarnya ambil masa setahun lebih untuk membentuk kepercayaan tersebut terhadap Datuk Wira.

“Tahun pertama dalam Titan, iaitu pada tahun 2021 memang hanya tempoh untuk saya terima beliau sahaja. Tanpa sedari, Datuk Wira telah membentuk saya sedikit demi sedikit dari sudut atas, bawah, kiri dan kanan.

"Kita *enjoy* saja dan *follow the flow*. Orang ajar kita terima. Terlalu banyak yang diterima sepanjang tiga tahun ini. Tak mampu untuk saya senaraikan semuanya. Saya rasa cara saya berfikir kini lebih matang, relaks dan profesional.

"Dulu fikir nak langgar je semua benda, tak peduli orang. Sekarang baru kita tengok orang belakang. Dulu tak ada, engkau tinggal pergi mampus. Tapi, sekarang ini kita jalan sama-sama," kongsi bapa kepada dua cahaya mata ini.

MIMPI JADI REALITI

Bercerita mengenai perkembangan bisnesnya, beliau teruja berkongsi kejayaan syarikatnya pada tahun ini apabila berpeluang membuka booth di acara permotoran terkenal dunia, Grand Prix (MotoGP).

"Sebenarnya, sewaktu saya menghadiri acara MotoGP tahun lepas, saya ada cakap dekat adik saya yang kita kena buka booth dekat sini. Lepas itu kita kena duduk dalam bilik VIP sebab di luar panas.

"Adik saya tanya bagaimana caranya? Saya jawab, 'Manalah aku tahu. Kau buat jelah'. Alhamdulillah, tahun ini segala impian itu menjadi nyata. Kami diundang sendiri oleh pihak Petronas untuk mendirikan booth di sana dan turut dijemput ke bilik VIP bersama dengan orang-orang kenamaan di Petronas.

"Sebab itu pasukan saya selalu 'takut' kalau saya cakap nakkan sesuatu. Sebab mesti dapat. Kiranya macam Datuk Wira selalu cakap, kita *walk the talk*," jelasnya mengimbau kembali memori tersebut.

Biarpun pelbagai kejayaan diraih dari hari ke hari, namun segala itu tidak membuatkan beliau terus alpa dan terbuai dengan nikmat yang diterima. Sebaliknya menjadikan dirinya semakin


bersemangat untuk memberi lebih manfaat kepada insan-insan di sekelilingnya.

"Tiada rahsia sebab saya tak rasa berjaya mana pun lagi. Saya masih individu yang sama, 'mat motor' seperti dulu.

"Cuma bagi saya, yang berbeza adalah nikmat kebebasan kewangan yang diterima dan kemampuan untuk memberi lebih buat keluarga serta berkongsi rezeki bersama staf di syarikat pada hari ini," luahnya mengakhiri bicara.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Dania Garage, layari laman sesawang www.daniagarage.com bagi mendapatkan info tentangnya.





3

NASIHAT



PERTAMA, JANGAN CEPAT KOYAK

"Dunia perniagaan memang keras. Banyak *struggle* yang akan kita lalui. Orang yang kita percaya tikam dari belakang, khianat, tak kenang budi dan banyak lagi.

"Terlalu banyak masalah untuk disenaraikan tapi hidup kena *enjoy* dan perlu diteruskan. Lagi besar bisnes lagi banyak masalah yang akan buat kita 'koyak'.

"Tapi, kita perlu relaks saja. Bangun tidur dan selesaikan masalah. Buat kerja balik. Apa pening kepala?" katanya

KEDUA, LAKUKAN APA YANG KITA ENJOY

"Pilih perniagaan yang kita *enjoy* adalah penting kerana ia memberi semangat dan motivasi yang berterusan untuk menghadapi cabaran.

"Masa kita mulakan bisnes, tak adalah kita fikir akan besar sampai macam hari ini. Cuma kita jalan sajalah. Mana yang kita nampak peluang, kita cuba.

"Kegagalan itu memang banyak kali berlaku. Tapi kita cuba dan cuba lagilah sebab ini betul-betul apa yang kita inginkan," jelasnya.

KETIGA, WALK THE TALK

"Kalau kita kata nak buat, kita kasi sampai jadi. Jangan biarkannya jadi sekadar angan-angan Mat Jenin saja.

"Terutamanya untuk generasi muda hari ini, janganlah mudah hilang arah gara-gara aweklah, cinggey, dadah dan sebagainya. Impian besar menuntut pengorbanan yang besar.

"Kentalkan hati dan kekal fokus agar kita dapat mencapai matlamat jangka masa panjang," tuturnya.

TINGGALKAN ZON SELESA! INI 5 TIPS UNTUK ANDA.

Zon selesa adalah keadaan psikologi di mana individu berasa selamat di dalamnya.

Apabila berada di dalam zon selesa, kita tahu apa yang kita mahukan dan tahu juga bagaimana untuk bertindak balas tentang sesuatu perkara.

Meninggalkan zon selesa, kita tidak lagi berada dalam situasi biasa dan boleh dikawal.

Otak kita belum lagi memproses cara untuk bertindak balas dan kita mungkin akan berasa cemas dan takut. Namun meninggalkan zon selesa anda adalah sangat penting.

Berada di dalam zon yang selesa, anda akan berada dalam keadaan yang kurang tekanan, kebimbangan dan yakin untuk melakukan apa yang anda biasa lakukan.

Namun zon selesa juga membuatkan anda tidak berkembang. Sebagai seorang usahawan, sudah semestinya anda perlu keluar daripada zon selesa untuk memastikan perniagaan anda sentiasa mempunyai perkembangan mengikut peredaran semasa.

CARA MENINGGALKAN ZON SELESA

Untuk meninggalkan zon selesa, anda perlu belajar mengawal ketakutan dan kebimbangan

yang anda rasakan apabila mencuba perkara yang baru.

Ia bermula dengan berhubung dengan emosi dan mengubah minda anda.

1 KUASAI EMOSI ANDA

Mereka yang dapat meninggalkan zon selesa dengan mudah mungkin mempunyai penguasaan emosi yang lebih daripada mereka yang terperangkap dalam rutin yang sama.

Mereka akui bahawa emosi mereka ada untuk membimbing apa yang mereka ingin dan sedang lakukan.

Dengan meninggalkan zon selesa kebimbangan adalah suatu perkara yang baru kerana anda nak masuk ke dalam zon yang baharu anda teroka.

2 MENINGKATKAN PERKEMBANGAN MINDA

Kejayaan anda untuk hasilkan sesuatu Perkembangan adalah salah satu keperluan manusia yang paling penting. Ibaratnya jika anda tidak berkembang, anda akan mati.

Usahawan yang berjaya adalah mereka yang mempunyai keperluan mendalam untuk perkembangan yang mendorong mereka meninggalkan zon selesa untuk mencari perkara yang baharu. Mereka percaya bahawa mereka boleh berjaya dalam apa jua cabaran.



Usahawan yang masih dalam zon yang sama pula tetap tidak percaya mereka mampu pergi jauh. Jika keluar dari zon selesa membuatkan mereka tidak mahu mencuba.

3 MULAKAN DARIPADA PERKARA YANG KECIL

Anda tidak perlu terburu-buru untuk melakukan perkara yang besar. Sekecil-kecil permulaan akan membawa kepada sebesar-besar kejayaan.

Mula cipta tabiat yang baharu untuk meninggalkan zon selesa anda kepada sesuatu yang lebih semula jadi dan jadikan sebagai rutin harian.

Gangguan daripada rakan sekerja? Tak perlu layan. Lama kelamaan mereka sendiri akan faham tuntutan kerja anda.

4 CARI CIRCLE YANG BETUL

Jika anda nak meninggalkan zon yang selesa, anda mesti mengelilingi diri anda dengan orang yang betul.

Orang yang sama-sama nak mencabar diri mereka untuk menjadi lebih baik dan melakukan perkara yang lebih baik setiap hari.

Orang yang gembira dengan pencapaian anda dan bantu anda untuk capai kejayaan yang anda impikan.

5 TERIMA KEGAGALAN DAN JADIKAN PENGAJARAN

Takut gagal adalah salah satu ketakutan paling biasa yang menghalang kita daripada capai kejayaan.

Jika anda melihat orang yang berjaya, mereka mempunyai satu persamaan di mana mereka semua pernah gagal dalam hidup dan tidak membiarkan kegagalan menghalang usaha mereka untuk berjaya.

Mereka tahu setiap kegagalan adalah proses kejayaan jika keluar dari zon selesa untuk mencarinya.

Kesimpulannya, keluar daripada zon selesa anda untuk capai kejayaan yang lebih tinggi.



RICHWORKS

TITANIUM

YOUR SUCCESS PARTNER

ADAKAH ANDA PERLUKAN BIMBINGAN?

ADAKAH ANDA TITANIUM SETERUSNYA?

Ini Peluang Anda Untuk Bina Bisnes
BETTER | FASTER | EASIER

Sejak 2015, Richworks Titanium telah membimbing lebih dari 1000 usahawan dan perniagaan secara intensif menerusi program mentoring dan coaching. Program ini telah memberi impak yang sangat tinggi dan kami berjaya mencecah jualan terkumpul sebanyak RM 3.5 billion pada tahun 2022.

Datuk Wira Dr Azizan Osman

D.C.S.M, CA(M), FCMA(UK), CIMA(UK),
CGMA(UK), FCIM(UK), MCFI ChMC(UK),
FICBC(US), MScM (Salford, UK), LL.M. (Cumbria, UK),
Affiliate MAICSA, DBA, PhD BA (AeU),
Professor of Practice (AeU)
Business Growth Consultant & Mentor


RICHWORKS®

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10 THE TITAN

RICHWORKS INTERNATIONAL SDN BHD (909099-W)
77, Jalan Badminton 13/29, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Hotline: 019- 244 2244



*E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN*

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE
TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.